



Headline: Pekerja kilang rugi RM5,600
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 24February 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 23

Pekerja kilang rugi RM5,600

KUANTAN - Seorang pekerja kilang kerugian lebih RM5,600 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan yang menyamar 'pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)' dan 'polis' pada Sabtu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komerisial Negeri, Superintendan Mohd Wazir

Mohd Yusof berkata, mangsa berusia 22 tahun dari Mentakab itu menerima panggilan daripada individu mendakwa 'pegawai LHDN Cyberjaya' dan memaklumkan mempunyai tunggakan cukai syarikat mencecah RM38,600 yang perlu dijelaskan segera.

Menurutnya, bagaimanapun mangsa menafikan kerana tidak pernah mendaftar atau memiliki sebarang syarikat.

"Suspek meyakinkan mangsa bahawa ada pihak lain menggunakan nombor kad pengenalannya untuk mendaftarkan syarikat tersebut.

"Mangsa kemudian dirujuk kepada seorang 'pegawai polis' dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen



MOHD WAZIR

(IPK) Pahang melalui sambungan telefon untuk semakan dan menyelesaikan kes itu," katanya melalui satu kenyataan pada Selasa.

Mohd Wazir berkata, mangsa diarah memuat turun aplikasi

Bank Negara (BNM) dan mengisi maklumat peribadi, maklumat kad bank dan semua butiran perbankan internet bagi tujuan semakan.

"Mangsa akur apabila berbuat demikian tanpa menyedari dia terjerat perangkap *scammer*.

"Dia kemudian menyedari ditipu selepas menerima mesej pihak bank memaklumkan dua transaksi pengeluaran wang dari akaun banknya berjumlah RM3,600 dan RM2,020," katanya.

Beliau berkata, susulan kejadian mangsa tampil membuat laporan polis di Balai Polis Mentakab pada Isnin dan kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.